

PENGETAHUAN IBU BAPA TENTANG PENGURUSAN KURIKULUM PUSAT ASUHAN TUNAS ISLAM (PASTI)

Marhamah binti Abdul Rahman

*Mohd Nazri Abdul Rahman

Nurul Hanani binti Zakaria

Fakulti Pendidikan

Universiti Malaya

*mohdnazri_ar@um.edu.my

ABSTRACT

PASTI curriculum is a curriculum based on Islamic preschool education concepts specially based on National Education Philosophy, Philosophy of Islamic Education and PASTI Education Philosophy. PASTI's curriculum management incorporates the concept of taabud as a basic and basic curriculum in every learning activity that encompasses all aspects of child development to meet and achieve Tarbiyyah Islamiyyah's goals. The issue, parents' knowledge of PASTI's curriculum, teaching and learning methods and the form of assessment carried out by PASTI teachers are often questioned by parents. Therefore, the study was carried out with the aim of identifying parent's knowledge about PASTI curriculum management, factors that motivated parents to choose PASTI curriculum and suggestions to enhance parents' knowledge of PASTI curriculum management. Total of 310 questionnaires were distributed to respondents consisting of parents who sent their children at the PASTI kindergarten. Data collection was conducted quantitatively, and interviews were conducted to explore parent retrospection on PASTI curriculum management. The analysis was carried out descriptively. The results showed that parents' knowledge on PASTI curriculum management was low. While 50% of parents choose PASTI curriculum due to the PASTI curriculum module factor used. The findings also suggest that PASTI teachers plan various programs that can enhance parents' knowledge of the PASTI curriculum.

Keywords: Parents, understanding, curriculum, Tunas Islam Care Center

PENGENALAN

Pendidikan awal kanak-kanak merupakan permulaan pendidikan yang formal kepada kanak-kanak di awal usia. Terdapat pelbagai bentuk pendidikan awal kanak-kanak ditawarkan kepada ibu bapa di Malaysia. Pusat Asuhan Tunas Islam (PASTI) merupakan salah satu pusat Pendidikan Awal kanak-kanak yang terdapat di Malaysia. Pusat Asuhan Tunas Islam (PASTI) menawarkan kurikulum pra-sekolah khusus untuk pengajian kanak-kanak berumur 4 hingga 6 tahun yang bersandarkan kepada Falsafah Pendidikan Negara, Falsafah Pendidikan Islam dan Falsafah Pendidikan PASTI (PASTI, 2004). Bagi merealisasikan falsafah pendidikan negara, kurikulum PASTI telah menetapkan sasaran untuk memperkembangkan potensi kanak-kanak secara menyeluruh dan bersepadu. Kurikulum pendidikan PASTI turut juga mempunyai matlamat untuk mewujudkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan. Matlamat ini adalah bagi melahirkan rakyat Malaysia yang berilmu pengetahuan, berketerampilan, akhlak mulia, bertanggungjawab dan keupayaan mencapai kesejahteraan diri serta memberi sumbangan terhadap kerharmonian dan kemakmuran masyarakat dan negara (PASTI, 2004).

Perkembangan PASTI hari ini, memperlihatkan ibu bapa bahawa Kurikulum PASTI telah menjadi antara pilihan ibu bapa untuk pendidikan awal kanak-kanak. Pilihan ibu bapa antara lain, adalah disebabkan oleh bentuk pendekatan pengajaran dan pembelajaran serta modul kurikulum yang digunakan di seluruh tadika PASTI (Salmee Suhaina Yusoff, 2014). Laporan Tahunan 2016 Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia menunjukkan bilangan tadika awam bertambah sebanyak 125 buah di Malaysia, namun enrolmen bagi tadika swasta terus menunjukkan peningkatan sebagai 51.9% (KPM, 2017). Berdasarkan laporan ini, penubuhan tadika swasta mahupun awam terus menunjukkan peningkatan yang memberangsangkan. Namun, peningkatan dalam bilangan tadika yang ditubuhkan sering dikaitkan dengan mutu serta kualiti pendidikan yang disediakan kepada komuniti. Tadika yang berkualiti bukan sahaja mampu mendidik murid dengan berkesan serta berkualiti tetapi juga mampu menterjemahkan hasrat kurikulum yang digariskan secara praktikal. Kualiti pada peringkat pendidikan awal kanak-kanak mencakupi kecekapan, keberkesanan dan kualiti perkhidmatan yang ditawarkan dalam aspek yang berkaitan dengan pengajaran, pembelajaran dan kemudahan yang diperlukan oleh ibu bapa serta murid dalam persekitaran pembelajaran (Workman & Utrich, 2017)

Sehubungan dengan itu, dalam melestarikan kualiti pendidikan PASTI, kurikulum pendidikan PASTI menjadikan falsafah Pendidikan Islam sebagai elemen utamanya. Dalam pengurusan kurikulum pendidikan PASTI, proses penyampaian ilmu, kemahiran dan penghayatan Islam berpaksikan kepada Al-Quran dan Al-Sunnah. Menerusi kurikulum ini, pembentukan sikap, kemahiran, keperibadian dan pandangan hidup diterapkan dalam diri setiap kanak-kanak dalam aspek tanggungjawab untuk membangun diri, masyarakat, alam sekitar dan negara bagi mencapai kebaikan di dunia dan kesejahteraan di akhirat. Dalam memastikan pengurusan kurikulum PASTI berkualiti, setiap guru perlu menghayati konsep pembinaan kurikulum pendidikan Islam tu sendiri iaitu ke arah memelihara dan mengembangkan fitrah manusia yang sihat (Ahmad Puhad Alim & Norliza Abdul Manaf, 2009). Maka, pendidikan PASTI menawarkan kurikulum yang tersendiri dan unik iaitu kesepaduan dalam melahirkan generasi tunas Islam yang unggul dari aspek Sahsia, keilmuan dan amalan-amalan yang bertunjangan kepada islam, iman dan ihsan (PASTI, 2004).

PERNYATAAN MASALAH

Pelaksanaan kurikulum pendidikan PASTI bagi kanak-kanak muslim dilaksanakan secara seragam oleh seluruh tadika PASTI di Malaysia. Namun, timbul beberapa isu yang melibatkan isi kandungan kurikulum, pedagogi guru dan bentuk pentaksiran yang dijalankan di tadika PASTI (Norliza Abdul Manaf, 2008). Kanak-kanak yang mengikuti kelas pembelajaran di PASTI mampu mengaplikasikan pembelajaran di dalam kehidupan seharian. Walau bagaimanapun, terdapat ibu bapa yang tidak bersetuju dengan bentuk pedagogi guru yang dilaksanakan di dalam kelas iaitu lebih banyak menekankan kepada sesi menghafal dan mengingat surah serta ayat al-Quran (Norliza Abdul Manaf, 2008). Isu ini jelas memperlihatkan bahawa pentingnya pengetahuan ibu bapa terhadap kurikulum pendidikan PASTI bagi anak-anak mereka.

Selain itu, pengetahuan ibu bapa terhadap bentuk kurikulum dan proses pengajaran dan pembelajaran guru di sekolah sangat penting. Ini kerana peranan ibu bapa dalam mendidik anak-anak adalah sangat besar dan mempunyai kesan langsung terhadap proses pembelajaran dan pengajaran anak-anak di rumah. Walau bagaimanapun, ketidaksinambungan pendidikan di rumah dengan pendidikan di sekolah boleh merencatkan perkembangan anak-anak baik dalam aspek kognitif, psikomotor mahupun afektif (Mohd Nazri Abdul Rahman, 2014). Isunya, ibu bapa hari ini lebih menyerahkan tugas mendidik dan mengajar anak-anak kepada pusat pendidikan awal kanak-kanak dan penglibatan ibu bapa dalam pembelajaran anak-anak berada pada tahap sederhana (Irma Yanti Mahamud, Norliza Che Hasan & Fathiyah Mohd Fakhruddin, 2018). Persoalannya, adakah ibu bapa mempunyai pengetahuan terhadap kurikulum PASTI bagi membantu mempertingkatkan lagi tahap penguasaan akademik anak-anak apabila mereka berada di rumah. Peningkatan pengetahuan ibu bapa ini boleh dicapai dengan

penglibatan ibu bapa dalam pendidikan dan perkembangan anak-anak bermula diperingkat awal pendidikan.

Isu seterusnya adalah berkaitan dengan pemilihan guru yang mengajar di di Tadika PASTI. Berdasarkan kajian, jelas menunjukkan bahawa aspek pemilihan guru yang tidak mementingkan pengkhususan serta kelayakan dari segi ikhtisas mempengaruhi tahap kemampuan mengajar guru menjadi kurang berkesan kerana guru tidak mahir dalam bidang psikologi kanak-kanak, pedagogi dan kemahiran dalam pengajaran (Lucy, 2007). Turut memperkukuhkan isu ini, kajian yang dijalankan oleh Ahmad Puhad Alim & Norliza Abdul Manaf (2009), juga mendapati bahawa guru PASTI menggunakan kaedah hafalan sebagai kaedah pengajaran utama walaupun mereka mempunyai pengetahuan terhadap kaedah lain dalam pengajaran dan pembelajaran kanak-kanak di PASTI. Namun, timbul persoalan, apakah faktor yang mendorong ibu bapa terus untuk memilih tadika PASTI sebagai pusat pendidikan awal bagi anak-anak?

OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini dijalankan adalah bertujuan untuk:

- a. Mengenalpasti pengetahuan ibu bapa tentang kurikulum PASTI.
- b. Menentukan faktor ibu bapa memilih kurikulum PASTI untuk pendidikan awal kanak-kanak.

SOALAN KAJIAN

Kajian ini dijalankan adalah bertujuan untuk:

- a. Apakah pengetahuan ibu bapa tentang kurikulum PASTI?
- b. Apakah faktor ibu bapa memilih kurikulum PASTI untuk Pendidikan awal kanak-kanak?

KEPENTINGAN KAJIAN

Dapatan kajian ini memperincikan secara mendalam tentang pendidikan kurikulum PASTI dalam meningkatkan pengetahuan ibu bapa terhadap pendidikan kurikulum PASTI. Kajian ini juga mengetengahkan faktor ibu bapa memilih kurikulum PASTI bagi pendidikan awal kanak-kanak dan sekaligus mencadangkan langkah yang sesuai bagi membantu ibu bapa dalam meningkatkan pengetahuan tentang pendidikan kurikulum PASTI untuk diaplikasikan terhadap kanak-kanak yang berusia seawal empat tahun. Selain itu, dapatan kajian ini juga membolehkan pihak-pihak yang terlibat secara langsung dengan kurikulum PASTI khususnya pihak sekolah dan pihak guru PASTI untuk membantu meningkatkan pengetahuan ibu bapa terhadap kurikulum PASTI dan mengaplikasikan kurikulum PASTI di rumah. Ini kerana waktu kanak-kanak lebih banyak dihabiskan di rumah berbanding di tadika PASTI.

SEJARAH PENDIDIKAN PUSAT ASUHAN TUNAS ISLAM (PASTI) DI MALAYSIA


Pendidikan yang berteraskan Islam merupakan titik permulaan yang penting dan merupakan satu keutamaan dalam pendidikan awal kanak-kanak. Mengapa pendidikan yang berteraskan Islam amat penting dalam proses pendidikan awal kanak-kanak? Pada zaman yang kian mencabar ini, anak didik generasi muda perlu diingatkan akan tujuan hidup mereka iaitu menjadi manusia yang taat dan patuh kepada Allah S.W.T. Atas prinsip ini, Pusat Asuhan Tunas-Tunas Islam atau lebih dikenali sebagai PASTI ditubuhkan. PASTI merupakan salah satu pusat pendidikan awal kanak-kanak yang memperkenalkan kurikulum prasekolah yang berteraskan islam dengan menggunakan Al-Quran dan Hadith sebagai sumber rujukan utama dalam konteks pendidikan.

PASTI diasaskan daripada hasil gabungan usaha murni pimpinan PAS terdahulu yang mempunyai kesedaran serta kesungguhan untuk menjadikan pendidikan awal kanak-kanak berteraskan Islam. Pada tahun 1988, PASTI diletakkan di bawah kelolaan Dewan Pemuda PAS Malaysia. PASTI telah beroperasi secara sah di sisi undang-undang melalui Akta Pertubuhan 1966 sebagai aktiviti parti dan selari dengan kehendak Perlembagaan PAS, Fasal 6(2) berkaitan usaha-usaha dalam pendidikan. Matlamat utama PASTI ditubuhkan bukan berorientasikan perniagaan, tetapi bermatlamatkan kepentingan dalam perlaksanaan khidmat fardu Kifayah kepada masyarakat dan umat Islam (Buletin PASTI, 2019).

Kurikulum PASTI memberi penekanan kepada konsep *taabud* yang merupakan dasar utama dalam setiap aktiviti pembelajaran kurikulum PASTI (Buletin PASTI, 2019). Di PASTI, anak-anak menerima asuhan dan didikan yang bukan sahaja berunsurkan Islam, malahan juga dari segi akademik yang merangkumi keseluruhan aspek perkembangan kanak-kanak. Selain mempelajari bahasa, sains dan matematik, mereka juga dibimbing dan dibentuk agar bersahsiah dalam konteks keislaman melalui penekanan dalam perlaksanaan ibadah yang wajib dan sunat, doa-doa amalan harian, menghafaz surah-surah dalam Al-Quran serta Hadis Rasullullah. Di samping itu, anak-anak di PASTI juga dididik dan didedahkan tentang sirah Nabi bagi membentuk akhlak peribadi anak-anak yang berbudi pekerti dan mulia (Kurikulum PASTI, 2006).

Selain dari pembelajaran di dalam kelas, PASTI juga menjalankan aktiviti kurikulum yang telah dirancang sejak awal tahun seperti sukaneka, lawatan sambil belajar dan aktiviti-aktiviti luar yang lain. Di PASTI juga, bakat anak-anak dicungkil melalui program khas yang telah di rancang dan disusun seperti Alam Ria PASTI serta Pesta Sukan Bola Sepak dan perlawanan Bola Jaring diadakan pada setiap tahun bermula di peringkat PASTI Kawasan, Negeri sehingga peringkat Kebangsaan. Melalui usaha dan perancangan ini, ia dapat membentuk anak-anak PASTI menjadi insan yang soleh, pintar dan berketrampilan, serta menjadi kebanggaan para ibu bapa. (Buletin PASTI 2019).

Secara keseluruhannya, kurikulum pendidikan awal kanak-kanak yang dijalankan oleh pengurusan PASTI merangkumi dalam kesemua aspek perkembangan iaitu, aspek fizikal, intelektual, sosioemosi, jasmani dan kerohanian, PASTI juga cuba melahirkan generasi yang tidak ketinggalan dengan arus kemodenan. Mereka juga diajar dan dididik dalam menggunakan kemudahan teknologi dengan baik. Dengan usia yang telah menjangkau 34 tahun dengan sejumlah 2291 cawangan di seluruh negara serta lepasannya telah menjangkau lebih daripada sejuta pelajar, PASTI kini semakin mendapat kepercayaan masyarakat dalam memberikan pendidikan awal berteraskan Islam kepada kanak-kanak. Berdasarkan pembentukan perkembangan yang bertunjangkan tiga aspek utama iaitu Islam, Iman dan Ihsan akan melahirkan kanak-kanak yang mantap dari aspek sahsiah, ilmuan dan amalannya serta mampu menjadi warga yang cintakan negara dan mengamalkan cara hidup Islam yang diredai Allah SWT di dunia dan di akhirat (Kurikulum PASTI, 2006).



Rajah 1. Pengurusan Kurikulum PASTI (Sumber: PASTI Pusat)

Model dalam rajah 1 menunjukkan potensi serta bakat kanak-kanak yang dapat dipupuk dan digilap menerusi konsep kecerdasan pelbagai. Pembentukan kurikulum PASTI dapat dilihat sebagai satu langkah yang baik untuk dibangunkan dengan bersandarkan kepada dunia sebenar kehidupan kanak-kanak dan persekitaran mereka. Pembentukan kurikulum PASTI juga meliputi aspek kognitif, psikomotor, bahasa dan komunikasi serta sosioemosi kanak-kanak. Sehubungan dengan itu, perancangan aktiviti pembelajaran murid hendaklah bersesuaian dengan kehendak perkembangan potensi diri kanak-kanak. Kurikulum PASTI dibentuk bertunjangkan tiga elemen utama iaitu Islam, Iman dan Ihsan. Dalam kurikulum PASTI, Tunjang keimanan, keIslaman dan Ihsan diberi penekanan yang penting bagi melahirkan kanak-kanak yang holistik dari aspek sahsiah, ilmuan dan amalannya serta mampu menjadi warga Malayisa dan mengamalkan cara hidup Islam yang diredai Allah SWT di dunia dan di akhirat.

METODOLOGI

Lokasi Kajian

Lokasi kajian dijalankan di Tadika PASTI, Kota Bharu, Kelantan. Justifikasi pemilihan lokasi kajian adalah kerana kawasan ini sangat strategik serta mempunyai jumlah Tadika PASTI yang paling tinggi iaitu sebanyak 17 buah PASTI. Selain itu, Kota Bharu, Kelantan juga adalah ibu pejabat Tadika PASTI bagi Negeri Kelantan

Sampel Kajian

Kajian ini berbentuk kuantitatif. Menurut Majid Konting (2004), populasi merupakan satu ciri yang menunjukkan ukuran tertentu ke atas sesuatu kumpulan individu yang dikaji. Dalam kajian ini, populasi kajian adalah ibu bapa yang menghantar anak-anak mereka ke Tadika PASTI dalam Kawasan Kota Bahru Kelantan. Cawangan PASTI di Kota Bahru, Kelantan mempunyai seramai 300 kanak-kanak yang mengikuti pendidikan awal kanak-kanak di Pusat PASTI. Maka ibu bapa sebagai sampel diambil daripada keseluruhan populasi kajian. Penggunaan keseluruhan populasi ini bagi memastikan bahawa tiada ralat persembelangan berlaku.

Instrumen Kajian

Instrumen kajian adalah borang soal selidik. Borang soal selidik ini terdiri daripada dua bahagian, iaitu bahagian A dan B. Bahagian A merupakan soal selidik mengenai pembolehubah demografi termasuk latar belakang ibu bapa murid PASTI. Manakala, bahagian B merupakan soal selidik mengenai tahap pengetahuan responden mengenai kurikulum PASTI. Untuk kajian ini, instrumen telah dibangunkan oleh pengkaji dengan disemak oleh 3 orang pakar sebelum pengkaji menjalankan kajian rintis terhadap 30 orang ibu bapa yang menghantar anak-anak ke Tadika PASTI di daerah Petaling Jaya. Rasionalnya, pemilihan ibu bapa di daerah Petaling Jaya adalah kerja mereka juga menghantar anak-anak ke Tadika PASTI. Nilai alpha yang diperoleh ialah 0.79.

Kaedah Pengumpulan Data

Dalam pengumpulan data, teknik yang digunakan untuk mengumpulkan data dalam kajian ini adalah menggunakan teknik borang soal selidik yang diedarkan ketika ibu bapa menghantar anak ke PASTI dan mengambil anak-anak untuk pulang ke rumah. Selain itu, ibu bapa juga akan ditemu bual untuk mendapatkan maklumat berkaitan pengetahuan mereka tentang kurikulum PASTI.

Kaedah Menganalisis Data

Perisian Microsoft Excel digunakan untuk menganalisa data dari hasil kajian yang dijalankan. Analisis data menggunakan analisis diskriptif iaitu peratusan. Hasil data temubual ditranskrikan daripada rakaman audio dan video ke dalam bentuk tulisan yang seterusnya dianalisis melalui tema.

DAPATAN KAJIAN

Penganalisan data telah menggunakan analisis statistik diskriptif kuantitatif di mana hasil kajian diterangkan dalam bentuk jadual yang menunjukkan kekerapan serta peratusan skor bagi item yang diajukan kepada responden. Kesemua data yang diperoleh dianalisis menggunakan 'Microsoft Excel'. Bahagian ini mengemukakan keputusan statistik kuantitatif yang telah diperoleh melalui analisis diskriptif iaitu peratusan.

Untuk bahagian ini, ibu bapa dikaji tentang pengetahuan mereka berkaitan kurikulum PASTI melalui beberapa sub-konstruk. Soalan soal selidik merangkumi enam elemen utama iaitu Konsep kurikulum PASTI, falsafah pendidikan PASTI, Visi dan misi PASTI, Strategi Pengajaran dan Pembelajaran PASTI, Matlamat pendidikan PASTI, Reka Bentuk PASTI, dan bentuk pentaksiran kurikulum PASTI. Dapatannya ditunjukkan dalam jadual 1.

Jadual 1

Pengetahuan Ibu Bapa Tentang Pengurusan Kurikulum PASTI

| Bil | Aspek Utama Dalam Pengurusan Kurikulum Pasti | Pengetahuan Ibu Bapa Tentang Pengurusan Kurikulum Pendidikan PASTI |
|-----|---|--|
| 1 | Konsep Kurikulum PASTI | 66% |
| 2 | Falsafah Pendidikan PASTI | 33.33% |
| 3 | Misi dan Visi Pendidikan PASTI | 33.33% |
| 4 | Objektif Kurikulum PASTI | 80% |
| 5 | Strategi Pengajaran dan Pembelajaran Pendidikan PASTI | 13.33% |
| 6 | Reka Bentuk Kurikulum PASTI | 13.33% |
| 7 | Bentuk Pentaksiran Kurikulum PASTI | 70% |

Untuk konsep kurikulum pendidikan PASTI, seramai 200 orang (66.6%) memahami konsep taabud dalam kurikulum PASTI. Lagi 70 orang (23.33%) tidak begitu pasti dan manakala 30 orang (10%) tidak memahami konsep PASTI. Manakala, seramai 100 orang (33.33%) mengetahui falsafah pendidikan PASTI, manakala 50 orang (16.66%) responden tidak mengetahui falsafah pendidikan kurikulum PASTI dan seramai 150 orang (50%) tidak pasti. Dari segi misi dan visi PASTI, seramai 100 orang (33.33%) memahami visi dan misi PASTI, manakala 120 orang (40%) tidak memahami visi dan misi kurikulum PASTI dan baki 80 orang (26.66%) kurang pasti tentang visi dan misi kurikulum PASTI. Seramai 240 orang (80%) memahami objektif utama PASTI, manakala 40 orang (13.33%) kurang pasti tentang objektif utama kurikulum PASTI dan 20 orang (6.6%) tidak memahami objektif kurikulum PASTI. Untuk piagam PASTI, seramai 40 orang (13.33%) mengetahui piagam-piagam yang terdapat dalam kurikulum PASTI, manakala 180 orang (60%) tidak mengetahui piagam-piagam PASTI dan baki 80 orang (26.66%). Seramai 40 orang (13.33%) memahami reka bentuk kurikulum PASTI, manakala 60 orang lagi (20%) tidak memahami reka bentuk kurikulum PASTI dan 200 orang (66.66%) kurang pasti mengenai reka bentuk kurikulum PASTI. Untuk aspek bentuk pentaksiran kurikulum PASTI, seramai 210 orang (70%) menyatakan bahawa mereka mengetahui bentuk pentaksiran yang digunakan dalam kurikulum PASTI, manakala 80 orang (26.66%) tidak mengetahui dan baki 10 orang (3.33%) kurang pasti.

Dapatan kajian melalui temubual turut mendapati responden menyatakan bahawa mereka tahu tentang pengurusan kurikulum Tadika PASTI yang digunakan, namun tidak dapat menerangkan dengan lebih lanjut berkaitan kurikulum tersebut.


“Kita sebagai ibu bapa tahu kurikulum yang digunakan di PASTI melalui buku latihan yang diberikan... eemm tak pasti pula tentang falsafah pendidikan PASTI dan piagam PASTI. Apa-apaun kita sebagai ibu bapa tahu yang guru PASTI mengajar ikut modul yang disediakan” (Responden 2:TI 4-30)

Responden juga menerangkan bahawa, reka bentuk kurikulum serta pentaksiran yang digunakan sesuai dengan keperluan pendidikan kanak-kanak diperingkat awal kanak-kanak.

“Guru-guru di PASTI menggunakan modul untuk mengajar kanak-kanak dan selalu anak saya akan menghafal surah atau doa tertentu, katanya ada hafazan” (Responden 4:TI 6-7)

Faktor Pemilihan ibu bapa terhadap kurikulum PASTI

Bagi soal selidik berkaitan faktor pemilihan PASTI pula terbahagi kepada tiga faktor utama pemilihan ibu bapa terhadap kurikulum PASTI iaitu modul kurikulum, kualiti perkhidmatan dan kadar bayaran yuran bulanan. Dapatan menunjukkan seramai 150 orang (50%) memilih kurikulum pendidikan PASTI disebabkan oleh faktor Modul Kurikulum yang digunakan manakala seramai 100 orang (33.33%) memilih disebabkan faktor kadar bayaran yang rendah dan seramai 50 orang (16.66%) atas faktor kualiti perkhidmatan yang ditawarkan melalui kurikulum PASTI.



Rajah 1: Faktor-Faktor Pemilihan Pasti Oleh Responden Sebagai Pendidikan Awal Murid-Murid PASTI Di Kota Bharu, Kelantan

Berdasarkan temubual dengan ibu bapa yang menghantar anak ke Tadika PASTI, responden menyatakan bahawa pemilihan tadika PASTI adalah atas faktor penggunaan modul kurikulum yang berkualiti dan setara dengan kurikulum pendidikan awal kanak-kanak yang lain.

“Kita sebagai ibu bapa akan memilih pendidikan terbaik untuk anak-anak kita. Atas sebab itu la, saya memilih tadika PASTI. Saya yakin dengan kurikulum modul yang digunakan, guru-guru serta buku yang digunakan. Hasilnya kita sendiri dapat tengok, anak-anak kecil ini dah boleh baca doa, surah serta membaca dengan baik.” (Responden 2 :TI 4-30)

PERBINCANGAN

Hasil dapatan kajian menunjukkan secara umum, ibu bapa yang terlibat dalam kajian ini mempunyai pengetahuan yang agak baik mengenai pengurusan kurikulum PASTI iaitu sebanyak 200 orang (66.6%). Namun, hanya ada segelintir ibu bapa sahaja didapati kurang pasti tentang konsep taabud dalam kurikulum PASTI. Dapatan kajian ini sama dengan kajian yang dijalankan Zubaidah Ibrahim (1993) tentang peranan dan sumbangan PASTI dalam perkembangan pendidikan prasekolah di Kelantan, satu kajian khusus di Kota Bharu yang bertujuan untuk mengetahui kepentingan pendidikan prasekolah khususnya PASTI dalam perkembangan awal kanak-kanak menjelang wawasan tahun 2020. Tahap pengetahuan ibu bapa terhadap pengurusan kurikulum PASTI perlu diberikan bermula dari awal lagi,

namun ada yang masih kurang jelas disebabkan kekangan masa untuk melibatkan diri dalam program atau aktiviti yang melibatkan ibu bapa anjuran tadika PASTI (Zubaidah Ibrahim, 1993).

Dapatan kajian juga menunjukkan seramai 150 orang ibu bapa (50%) kurang pasti tentang falsafah pendidikan kurikulum PASTI. Manakala 120 orang ibu bapa juga yang tidak memahami apa itu visi dan misi kurikulum PASTI. Walau bagaimanapun, seramai 240 orang (80%) ibu bapa mengetahui objektif utama kurikulum PASTI, iaitu untuk melahirkan generasi muda yang cemerlang dan berakhlak tinggi serta seimbang baik di dunia, mahupun di akhirat. Dapatan ini jelas menunjukkan, bahawa ibu bapa mengetahui dengan jelas tentang matlamat umum kurikulum PASTI. Dapatan ini secara tidak langsung memperkukuhkan lagi dapatan kajian Asmah Ansar (2006) bahawa kurikulum PASTI memberi impak positif terhadap pembentukan peribadi anak-anak Islam. Ini kerana konsep umum akidah sesuai untuk diberikan diperingkat awal pendidikan kanak-kanak (Seri Hayati Husain, 2010).

Dapatan kajian juga mendapati 60 % (180 orang) ibu bapa tidak mengetahui tentang piagam kurikulum PASTI. Selain itu, hanya 40 orang ibu bapa mengetahui tentang reka bentuk kurikulum PASTI. Hal demikian, menunjukkan bahawa ibu bapa perlu didedahkan dengan program atau seminar yang dapat memahami pengurusan kurikulum PASTI yang sebenar dan menyeluruh. Walaupun sebahagian kajian yang dijalankan menunjukkan bahawa ibu bapa mengetahui bentuk amalan pengajaran dan pembelajaran guru di dalam bilik darjah (Normadiyah Abdullah, 1998), namun penglibatan ibu bapa dalam pengurusan kurikulum pendidikan awal kanak-kanak Islam masih perlu dipergiatkan.

Seterusnya, dapatan kajian juga menunjukkan bahawa ibu bapa yang memilih Tadika PASTI telah membuat pilihan bijak dan terbaik untuk anak-anak mereka. Kajian ini mendapati tiga faktor utama yang mendorong pemilihan PASTI dalam pendidikan awal kanak-kanak ialah faktor modul kurikulum di setiap cawangan PASTI, kadar bayaran rendah yang sangat rendah dan kualiti perkhidmatan di PASTI. Faktor yang paling dominan pemilihan ibu bapa terhadap tadika PASTI adalah disebabkan oleh penggunaan modul kurikulum yang berkualiti dan berkesan. Pemilihan tadika PASTI di kalangan para ibu bapa dalam pendidikan awal kanak-kanak adalah kualiti modul kurikulum Modul Kurikulum PASTI yang disediakan oleh pihak pengurusan PASTI (Normadiyah Abdullah, (1998). Modul kurikulum PASTI ini meliputi isi kandungan pembelajaran dan bentuk pentaksiran. Guru-guru PASTI sentiasa berusaha untuk meningkatkan kualiti modul kurikulum PASTI bagi meningkatkan perkembangan kanak-kanak secara menyeluruh dan efektif di samping menyeimbangkan keperluan di dunia dan akhirat. Ini jelas menunjukkan bahawa kurikulum PASTI semakin menjadi pilihan ibu bapa pada masa kini kerana pendekatan dan modul yang digunakan di PASTI telah berjaya melahirkan pelajar ataupun kanak-kanak yang berkualiti dan berakhlak mulia. Dapatan ini turut memperkukuhkan penemuan kajian Norzalikha Buyung dan Suziyani Mohamed (2018) yang mendapati bahawa ciri tadika berkualiti meliputi aspek penyampaian kurikulum oleh guru khususnya keupayaan guru untuk mempraktikkan dan merealisasikan hasrat kurikulum ke dalam bilik darjah.

Seterusnya, pemilihan ibu bapa juga adalah disebabkan oleh kadar bayaran yuran yang sangat rendah berbanding dengan tadika-tadika lain di Kelantan. Pembayaran yuran adalah tidak selaras kerana ia mengikut kawasan dan negeri bagi setiap cawangan PASTI. Sebagai contoh, terdapat beberapa buah PASTI di perkampungan negeri Kelantan yang mengenakan kadar bayaran yuran yang sangat rendah iaitu, RM15.00 pada setiap bulan. Hal ini jelas membuktikan bahawa kebajikan kepada masyarakat dan juga kesedaran dalam menyediakan pendidikan awal berteraskan Islam menjadi asas dan penekanan utama kepada penubuhan PASTI ini. Maka, kanak-kanak yang mempunyai latar belakang keluarga yang kurang berkemampuan mendapat peluang dalam pendidikan bermula dari peringkat umur 4 tahun.

Kajian oleh Fadzliana Othman (2006) menunjukkan bahawa kanak-kanak yang mempunyai status ekonomi rendah dapat mengikuti pembelajaran dengan baik dan mencapai prestasi akademik yang baik.

Setersunya, pemilihan ibu bapa terhadap tadika PASTI juga adalah bersandarkan kepada faktor perkhidmatan berkualiti. Ini meliputi keadaan persekitaran fizikal bilik darjah serta penglibatan ibu bapa dalam aktiviti pembelajaran anak-anak. Penglibatan ibu bapa bersama komuniti setempat dengan pihak sekolah dapat meningkatkan persefahaman dan seterusnya melestarikan kualiti perkhidmatan di PASTI. Penyertaan bersama ibu bapa bukan sahaja dapat meningkatkan pengetahuan ibu bapa terhadap kurikulum PASTI dapat mewujudkan persekitaran pembelajaran yang kondusif dan mesta ibu bapa. Kajian ini (Mastura Badzis, 2003) mendapati bahawa pengetahuan ibu bapa terhadap pengurusan kurikulum dan penglibatan dalam aktiviti pembelajaran anak-anak dapat meningkatkan kualiti pembelajaran anak-anak. Ibu bapa yang terlibat dalam aktiviti pembelajaran kanak-kanak di prasekolah juga lebih memahami kurikulum dan aktiviti yang dipelajari oleh kanak-kanak. Morrison (1995) menyatakan ibu bapa adalah orang yang menyediakan keperluan asas, penjagaan dan kasih sayang, memberi sokongan, panduan, tunjuk ajar, bimbingan dan perlindungan kepada kanak-kanak. Penglibatan ibu bapa dalam aktiviti pembelajaran kanak-kanak prasekolah adalah sangat penting. Hal ini kerana penglibatan ibu bapa bersama anak-anak akan dapat memudahkan ibu bapa dalam memahami konsep sebenar pengajaran dan pembelajaran di PASTI di samping membimbing dan mendidik anak-anak dalam pembelajaran.

CADANGAN DAN IMPLIKASI

Berdasarkan dapatan kajian, pengetahuan ibu bapa terhadap pengurusan kurikulum PASTI perlu dipertingkatkan. Guru PASTI dapat mewujudkan prasarana komunikasi dua hala dengan ibu bapa bagi meningkatkan pengetahuan mereka terhadap kurikulum PASTI, seterusnya mengaplikasi ilmu dan pengetahuan yang pelajari bersama anak-anak di rumah. Saluriah komunikasi ini boleh menggunakan aplikasi media elektronik seperti *Facebook*, *Instagram* atau *Whatsapp* bagi berkongsi video atau gambar murid PASTI tentang aktiviti atau program yang telah dijalankan di dalam kelas mahupun di luar kelas. Ianya penting untuk membantu ibu bapa bagi meningkatkan pengetahuan ibu bapa tentang kurikulum PASTI melalui aktiviti yang dijalankan oleh Tadika PASTI dan seterusnya dapat memberi garis panduan kepada ibu bapa untuk mengaplikasi kurikulum PASTI di rumah. Dapatan kajian ini juga mencadangkan agar kajian susulan dilaksanakan bagi melihat faktor lain selain daripada yang dikaji dalam kajian ini seperti kesediaan kanak-kanak, faktor pemilihan tadika PASTI oleh ibu bapa di bandar dan luar bandar.

KESIMPULAN

Pelaksanaan program tadika PASTI yang memerlukan penglibatan aktif ibu bapa di dalam pembelajaran dan pengajaran anak-anak harus diterapkan dari awal persekolahan dan berterusan bagi memperkembangkan dan meningkatkan lagi pengetahuan ibu bapa terhadap pengurusan kurikulum PASTI. Penglibatan ibu bapa penting dalam meningkatkan pengetahuan untuk membantu perkembangan menyeluruh kanak-kanak di dalam aktiviti pembelajaran. Ini kerana ibu bapa merupakan guru pertama dan sokongan yang secara langsung memberikan kesan positif kepada perkembangan kanak-kanak. Justeru, dalam penglibatan ibu bapa terhadap aktiviti pembelajaran kanak-kanak dalam kurikulum PASTI untuk meningkatkan pengetahuan tentang kurikulum PASTI bagi membantu ibu bapa untuk mengaplikasikan kosep pembelajaran PASTI sama ada di rumah mahupun di luar rumah. Seterusnya, pemilihan ibu bapa terhadap tadika PASTI adalah disebabkan pengurusan modul kurikulum PASTI lebih dinamik dan berdaya saing dalam usaha membentuk keperibadian anak-anak yang cemerlang di dunia dan akhirat.

PENGHARGAAN

Fundamental Research Grant Scheme (FRGS) FP026-2017A

RUJUKAN

- Ahmad Puhad Alim & Norliza Abdul Manaf (2014), *Kaedah Pengajaran Guru Pusat Asuhan Tunas Islam (PASTI) Kawasan Bachok*. Jurnal UTHM.
- Asmah Binti Ansar (2006). *Peranan Taska dan Tadika dalam Pembentukan Peribadi kanak-kanak Islam: Suatu kajian di Kuala Kangsar, Perak*. Disertasi Jabatan Akidah dan Pemikiran Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.
- Nor Raudah Haji Siren, Yusmini Mohd Yusoff (2006), *Dakwah Islam Semasa*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Normadiyah Bt Abdullah (1998). *Amalan Pengajaran Guru Prasekolah: Satu Kajian Kes Perbandingan Antara Tadika Islam dan Tadika Swasta*. Disertasi Fakulti Pendidikan. Universiti Malaya.
- Norzalika Buyong & Suziyani Mohamed (2018). *Ciri-ciri Tadika Berkualiti*. Prosiding Seminar Antrabangsa Isu-isu Pendidikan, 5 Julai 2018, Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya.
- PASTI (2006). *Kurikulum Empat Tahun PASTI Malaysia*.
- PASTI (2003). *Kurikulum PASTI Tahap dua (6 tahun) PASTI Malaysia*.
- PASTI Kelantan 1983-2003*. (Siri Pertama) Kelantan: Atfal Salam Sdn. Bhd.
- Paezah. (2011). *Kepentingan Penglibatan Ibu Bapa Dalam Aktiviti Pembelajaran Kanak-Kanak Di Prasekolah*. Laporan Penyelidikan tidak diterbitkan. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Saedah Siraj, (2003). *Pendidikan Anak-Anak*. Selangor Darul Ehsan: Alam Pintar Enterprise.
- Seri Hayati Husain (2010). *Asas-asas Akidah Dalam Pendidikan Awal Kanak-kanak Menurut perspektif Islam*. Disertasi Jabatan Akidah dan Pemikiran Islam Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya.
- Workman, S. & Ullrich, R. (2017). *Quality 101: Identifying the core components of a high-quality early childhood program*. Center for American Progress.
- Yusoff, Salmee Suhaina (2014) *Penggunaan media dalam pendidikan Islam awal kanak-kanak di PASTI : kajian di PASTI Ummu Aiman, Gombak, Selangor / Salmee Suhaina binti Yusoff*. Masters thesis, University of Malaya
- Zubaidah Binti Ibrahim (1993). *Peranan dan sumbangan PASTI dalam perkembangan pendidikan prasekolah di Kelantan: kajian khusus di Kota Bharu*. Latihan Ilmiah Fakulti Usuluddin, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya. (Tidak Diterbitkan)